

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1 (10)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 10 TAHUN 2013**

---

**Tarikh : 25 Oktober 2013 (Jumaat)**  
**Masa : 9.50 pagi hingga 11.30 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**HADIR**

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi<br>Yang Dipertua MPSJ        | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Pooi Weng Keong                                     | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Stephen Chin Sou Bong                               | - | "                       |
| 5.  | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh                 | - | "                       |
| 6.  | Encik Mohd Nasir bin Yusof                                | - | "                       |
| 7.  | Puan Norhesni binti Ismail                                | - | "                       |
| 8.  | Encik Sapiyan bin Mohd. Din                               | - | "                       |
| 9.  | Encik Tai Cheng Heng                                      | - | "                       |
| 10. | Dr. Loi Kheng Min   | - | "                       |

- |     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| 11. | Encik Micheal Tamilarason a/l K. Nadaysen | - | " |
| 12. | Encik Sufari bin Tinnin                   | - | " |
| 13. | Encik Chong Hoon Ming                     | - | " |
| 14. | Puan Azizan binti Jamaludin               | - | " |
| 15. | Encik Jaber bin Ami                       | - | " |
| 16. | Encik Chia Yew Ken                        | - | " |
| 17. | Puan Sazana binti Isa                     | - | " |
| 18. | Encik Chang Kim Loong, AMN                | - | " |
| 19. | Encik Cheah Sang Soon                     | - | " |
| 20. | Encik Loka Ng Sai Kai                     | - | " |
| 21. | Encik Michael Noel Jalleh                 | - | " |
| 22. | Encik Yap Kok Weng                        | - | " |
| 23. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh        | - | " |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                              |   |             |
|----|------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Arumugam a/l Kalimuthu | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Muzammil bin Hafiz     | - | "           |

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Encik Mohd. Zulkurnain bin Che Ali  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd. Basar  
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
5. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
9. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
10. Puan Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
11. Encik Zahiruddin bin Hashim  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
12. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli  
Pengarah, Jabatan Bangunan
13. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

14. Puan Noraziah binti Ali  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
15. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
16. Encik Noorhafez bin Nordin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
17. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
18. Puan Aida binti Omar  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
19. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
20. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
21. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
22. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
23. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
24. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
25. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
26. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
27. Puan Nor Shahela binti Amzah  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan

28. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
29. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
30. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
31. Puan Aziana binti Mohamad Aripin  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
32. Encik Muhammad Hafidz bin Hassan  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
33. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
34. Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
35. Encik Khairul Nazim bin Arbain  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
36. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
37. Cik Adibah binti Abdullah  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
38. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
39. Puan Nadia binti Abu Baharin  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
40. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
41. Encik Mohd Kamil bin Basir  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan

42. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
43. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
44. Puan Roslailatulhani binti Md Sawal  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
45. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
47. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
48. Cik Nadia binti Muhamad Amin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
49. Encik Alias bin Miskon  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
50. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
51. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
52. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
53. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
54. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
55. Encik Mohd Saidi bin Alang  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

56. Puan Mimi Zareena binti Md Nor  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
57. Puan Diana binti Mohamad Daim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
58. Puan Noraini binti Nazaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

### **URUSETIA**

1. Encik Isham bin Abu Kassim  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Habibah binti Ab.Manap  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

## 1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Ustaz Mohd Nasir Bin Yusof, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## 2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 10/2013 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

### 2.1 Latihan Penyelamat Dan Bantuan Kecemasan Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) MPSJ & Bomba Sempena Persiapan Menghadapi Musim Tengkujuh

Satu Latihan Penyelamat Dan Bantuan Kecemasan Sempena Persiapan Menghadapi Musim Tengkujuh telah diadakan pada 19 Oktober 2013 (Sabtu), jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Tasik Puchong Prima, Puchong.

Latihan ini melibatkan penyertaan 33 Anggota Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) MPSJ, 10 Anggota Balai Bomba Subang Jaya dan 10 Anggota Balai Bomba Puchong.

Objektif latihan ini diadakan ialah:

- i) Menguji tahap keupayaan dan kesediaan peralatan menyelamatkan dan bantuan kecemasan bagi memastikan kelengkapan logistik pasukan sentiasa berada dalam keadaan baik dan siap sedia untuk digunakan.
- ii) Mengukuhkan kemahiran anggota pasukan untuk sentiasa berada di tahap terbaik di samping menguji tahap kesiapsiagaan pasukan.



- iii) Menambahbaik Pelan Tindakan Tetap (SOP) Bantuan Kecemasan dan Bencana.

Kesimpulannya, program sesi latihan ini telah berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Majlis Perbandaran Subang Jaya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Bomba Zon Petaling yang merangkumi Balai Bomba Puchong, Balai Bomba Subang Jaya serta Balai Bomba Shah Alam di atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan sesi latihan ini.

## **2.2 Majlis Pelancaran Kempen Daftar MY@MPSJ, MPSJ Ke Arah Kaunter Sifar**

Bagi memastikan sistem penyampaian dan perkhidmatan cemerlang sentiasa diberikan kepada pelanggan, MPSJ akan melaksanakan program **Kempen Daftar My@MPSJ, MPSJ Ke Arah Kaunter Sifar** bermula pada 18 Oktober 2013 hingga 31 Disember 2013 yang akan menjadi medium kepada MPSJ untuk menerangkan kepada pelanggan / penduduk bahawa MPSJ sedang dalam fasa menuju ke arah Kaunter Sifar mulai tahun 2014.

Kempen Daftar My@MPSJ, MPSJ Ke Arah Kaunter Sifar adalah khusus untuk:

- i) Pembayaran Cukai Taksiran
- ii) Pembayaran Kompaun Trafik
- iii) Pembaharuan Lesen Perniagaan Tanpa Risiko

Sepanjang tempoh program ini, pelanggan / penduduk digalakkan untuk mendaftar sebagai ahli My@MPSJ bagi menikmati perkhidmatan online MPSJ.

Untuk mendaftar sebagai ahli My@MPSJ, para pelanggan / penduduk boleh memilih alternatif yang disediakan oleh pihak Majlis iaitu:

- i. Mengunjungi “booth” pendaftaran khas di Ibu Pejabat MPSJ, Aras 1, Bangunan MPSJ
- ii. Mengunjungi Pejabat-Pejabat Cawangan MPSJ
- iii. Mengunjungi Kaunter Bergerak MPSJ yang ditempatkan di stesen-stesen Petronas yang terpilih (sila rujuk laman sesawang MPSJ untuk jadual Kaunter Bergerak)
- iv. Layari laman sesawang MPSJ di [www.mpsj.gov.my](http://www.mpsj.gov.my)

Majlis Pelancaran Kempen Daftar My@MPSJ, MPSJ Ke Arah Kaunter Sifar akan diadakan pada 25 Oktober 2013, jam 11.30 pagi bertempat di Ruang Legar, Aras 1, Bangunan MPSJ.

### **2.3 Karnival Komuniti Zon Bersih 5 MPSJ 2013**

Program Karnival Komuniti Zon Bersih kali ini akan diadakan bersekali dengan Karnival Memancing MPSJ. Program kali ini melibatkan penyertaan daripada pelbagai agensi swasta dan kerajaan di antaranya Bomba, Polis, Syabas, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Universiti Putra Malaysia (UPM), Extra Joss dan lain-lain. Selain daripada gotong royong pembersihan kawasan sekitar, terdapat juga gerai dan khemah pameran daripada agensi yang terlibat. Program ini akan diadakan pada 27 Oktober 2013, jam 8.00 pagi bertempat di Dataran Tasik Puchong Perdana, Taman Puchong Perdana.

### **2.4 Karnival Memancing MPSJ 2013**

Program ini merupakan acara tahunan anjuran pihak Majlis dan pada kali ini pihak Majlis berkerjasama dengan JKP Zon 13 untuk menganjurkannya. Objektif program ini adalah bagi menggalakkan kegiatan yang sihat, memupuk semangat perpaduan kaum melalui aktiviti – aktiviti sampingan yang diadakan serta dapat mengeratkan silaturrahim di kalangan masyarakat setempat.

Program Karnival Memancing MPSJ 2013 akan diadakan pada 27 Oktober 2013, jam 8.30 pagi – 12.30 tengah hari bertempat di Tasik Taman Puchong Perdana.

Hadiah berbentuk wang tunai disediakan bagi pemenang tempat pertama (1) hingga ke tempat lima belas (15). Hadiah utama bernilai RM3,000.00 namun pihak penganjur pada kali ini menggunakan sistem 'Yo-Yo' dimana senarai pemenang dan kedudukan jumlah hadiah adalah seperti berikut;

Rangking	<b>Pertama</b>	Kedua	Ketiga	Ke - 4	Ke - 5
Hadiah	<b>RM1500</b>	RM200	RM100	RM50	RM100

Ke - 6	<b>Ke - 7</b>	Ke - 8	Ke - 9	Ke - 10	Ke - 11
RM50	<b>RM3000</b>	RM200	RM100	RM50	RM50

Ke - 12	Ke - 13	Ke - 14	<b>Ke - 15</b>
RM100	RM50	RM50	<b>RM1000</b>

Majlis pelepasan ikan akan diadakan pada 25 Oktober 2013 (Jumaat) pada jam 3.30 petang. Sebanyak 2 spesis ikan akan dilepaskan iaitu ikan Pacu dan ikan Patin . Manakala jumlah berat ikan yang dilepaskan adalah 500kg bagi setiap spesis.

Pertandingan ini terbuka hanya untuk Warganegara Malaysia sahaja dan yuran sebanyak RM40.00 akan dikenakan bagi setiap satu joran. Peserta akan menerima sehelai t-shirts dan topi bagi 200 penyertaan terawal sahaja.

## **2.5 Anugerah Inovasi MPSJ 2013**

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan mengadakan program Anugerah Inovasi MPSJ (AIMPSJ) pada 29 Oktober 2013, jam 8.30 pagi bertempat di Laman Kenanga, MPSJ.

Sebanyak enam (6) projek yang layak akan dipertandingkan dalam Anugerah Inovasi MPSJ (AIMPSJ) pada tahun ini.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan selamat maju jaya kepada semua pasukan yang bertanding dan semoga projek yang dipertandingkan ini dapat memberikan kejayaan kepada MPSJ.

## **2.6 Lawatan Panel Penilai Anugerah Kualiti SIRIM**

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menerima lawatan daripada Panel Penilai Anugerah Kualiti SIRIM 2013 pada 01 November 2013, jam 8.30 pagi bertempat di Laman Kenanga, MPSJ.

Di antara kriteria dan aspek yang akan dinilai adalah melibatkan perkara-perkara seperti berikut;

- i. Prestasi MPSJ
- ii. Persekitaran Kerja Berkualiti Green 5S
- iii. Prosedur Kualiti
- iv. Kumpulan Quality Circle
- v. Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)
- vi. Pasukan Inovasi

## **2.7 Karnival Sukan Belia MPSJ 2013, Bandar Puteri, Puchong**

Program Karnival Sukan Belia MPSJ ini adalah kali pertama diadakan di Bandar Puteri, Puchong. Penganjuran program sukan seperti ini boleh membantu anak-anak remaja dan belia memanfaatkan waktu lapang selain dapat mengasah bakat sedia ada untuk dikembangkan ke peringkat yang lebih tinggi. Ia juga secara tidak langsung dapat mencungkil bakat-bakat baru untuk menjadi pelapis kepada atlit sukan negara yang sedia ada. Program ini akan berlangsung pada 02 November 2013, jam 8.00 pagi bertempat di Gelanggang Futsal dan Bola Keranjang, Taman Tasik Wawasan, Puchong.

Di antara aktiviti sukan yang akan diadakan adalah seperti berikut;

- i. Futsal Terbuka
- ii. Karom Beregu Terbuka
- iii. Pertandingan Catur Terbuka
- iv. Tarik Tali Lelaki Terbuka
- v. Basketball 3 on 3
- vi. Congkak Bawah 15 tahun
- vii. Pertandingan Mewarna Kategori 5-6 Tahun, 7-9 Tahun dan 10-12 Tahun

## **2.8 Perlawanan Bolasepak Piala Sumbangsih Liga FAS 2013/2014**

Pasukan MPSJ FC telah dipilih untuk bermain pada Perlawanan Bolasepak Piala Sumbangsih Liga FAS 2013/2014 sebagai perlawanan pembukaan bagi bermulanya Liga Persatuan Bola Sepak Selangor Musim 2014. Ini berikutan kejayaan pasukan Bolasepak MPSJ FC yang telah muncul sebagai Naib Johan Liga FAS Musim 2012/2013. Perlawanan ini akan berlangsung pada 09 November 2013, jam 8.30 malam bertempat di Padang SUK B, Shah Alam. Perlawanan ini melibatkan MPSJ FC menentang NPNG.

## **2.9 Penilaian Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2013**

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah berjaya terpilih ke peringkat akhir Anugerah Inovasi Negara (AIN) sempena National Innovation Conference & Exhibition (NICE 2013). Penilaian Anugerah AIN ini akan berlangsung pada 12 - 14 November 2013, bertempat di KLCC Convention Centre, Kuala Lumpur.

Pihak MPSJ diminta untuk mempamerkan inovasi yang telah dipertandingkan bagi tujuan penilaian di peringkat akhir.

Projek Inovasi yang dipertandingkan adalah “Projek Inisiatif Sisa Organik Pasar Awam Seri Serdang Menggunakan Kaedah Vermicomposting Dan Anaerobic Digestion”.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan selamat maju jaya kepada pasukan yang mewakili MPSJ dalam anugerah ini dan semoga projek yang dipertandingkan ini dapat memberi kejayaan kepada MPSJ.

## **2.10 Mesyuarat Ketiga (Bajet) Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2013**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Ketiga (Bajet) Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas Tahun 2013 akan bersidang pada 19 November – 02 Disember 2013 bertempat di Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

### **2.11 Laporan Demam Denggi**

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 40 (iaitu sehingga 05 Oktober 2013) adalah sebanyak 1473 kes dilaporkan dan sebanyak 589 kes disahkan positif. Buat masa ini tiada kawasan 'hotspots' denggi di kawasan pentadbiran MPSJ. Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

### **2.12 Ucapan Khas Sempena Perayaan Hari Deepavali 2013**

Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada Ahli Majlis dan warga kerja MPSJ yang merayakannya pada 02 November 2013 (Sabtu). Semoga sambutan perayaan tahun ini akan membawa lebih kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan kita semua.

### **2.13 Ucapan Khas Sempena Maal Hijrah 1435H**

Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut Maal Hijrah 1435H (Tahun Baru Islam) kepada Ahli Majlis dan warga kerja MPSJ yang beragama Islam. Maal Hijrah (Awal Muharam 1435H) akan diraikan pada 05 November 2013 (Selasa). Pihak Majlis mengharapkan semoga dengan kehadiran tahun baru yang bakal menjelma, marilah kita bersama-sama meraikannya dengan penuh syukur dan muhibbah.

### **3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 09/2013 BERTARIKH 25 SEPTEMBER 2013.**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 09/2013 bertarikh 25 September 2013 telah disahkan tanpa pindaan.

### **4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

#### **4.1 Program “Back To School”**

Puan Norhesni binti Ismail mencadangkan supaya pada tahun ini pihak Majlis memberikan sumbangan berbentuk ‘baucer’ peralatan sekolah daripada pusat membeli-belah yang terpilih kepada penerima sumbangan program “Back To School”.

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**



## 5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

### 5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 10/2013 Bertarikh 08 Oktober 2013

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Bahagian Audit Dalam**

### 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 19/2013 Bertarikh 09 Oktober 2013

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.5 m.s 15 – m.s 19	En. Chang Kim Loong	Flora Development Sdn. Bhd.	Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis mensyaratkan agar pihak Pemaju memastikan penaiktarafan sistem aliran lalulintas dan pelaksanaan kemudahan infrastruktur bangunan berfungsi dengan baik dan sempurna untuk digunakan sebelum CCC dikeluarkan.

				<p>Beliau turut mencadangkan agar mesyuarat secara berkala perlu diadakan bagi memastikan perjalanan projek penaiktarafan lalulintas dan infrastruktur dibuat secara menyeluruh dan berjalan lancar di sesebuah kawasan pemajuan dan pembangunan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Kejuruteraan untuk menyemak dan memantau setiap fasa pelaksanaan sesebuah projek pembangunan bagi memastikan pihak Pemaju mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

### **5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 20/2013 Bertarikh 22 Oktober 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 7.3 m.s 69	En. Chia Yew Ken	Permohonan 'Batching Plan' Oleh Tetuan Tasik Concrete.	Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis mewujudkan satu dasar dan garis panduan berkaitan permohonan 'Batching Plan' di kawasan pentadbiran MPSJ.  <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Perancang Bandar untuk membuat kajian dan menetapkan garis panduan berhubung perkara ini untuk dibentangkan di peringkat Jawatankuasa OSC.

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

#### **5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 10/2013 Bertarikh 11 Oktober 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.2 m.s 11	Dr. Loi Kheng Min	Laporan Bahagian Landskap	<p>Beliau meminta supaya pihak Majlis menyediakan laporan berkaitan jumlah penebangan dan penanaman semula pokok-pokok oleh pihak Prasarana Negara Berhad yang melibatkan kawasan di sepanjang laluan pembinaan projek LRT di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua menjelaskan bahawa pihak Prasarana Negara Berhad perlu menggantikan 10 batang pokok bagi setiap satu batang pokok yang ditebang bagi tujuan pembinaan projek LRT di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p>Sehubungan dengan itu, beliau meminta supaya Bahagian Landskap menyediakan laporan berhubung perkara ini untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar yang akan datang.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
2	Hal-Hal Lain	En. Chang Kim Loong	Papan Tanda Sempadan MPSJ	<p>Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis membina papan tanda sempadan dan pintu gerbang yang bercirikan identiti MPSJ di kawasan persempadanan MPSJ.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa perlantikan kontraktor telah dibuat bagi kerja-kerja membina papan tanda sempadan MPSJ di lapan buah lokasi yang telah dipersetujui. Kerja-kerja ini dijangka mengambil masa 8 minggu untuk disiapkan.</p> <p>Dato' Yang Dipertua seterusnya meminta supaya Jabatan Kejuruteraan membekalkan maklumat berhubung lokasi pemasangan papan tanda sempadan ini kepada semua Ahli Majlis.</p> <p>Manakala bagi pembinaan pintu gerbang MPSJ pula, Dato' Yang Dipertua</p>

				menjelaskan bahawa pihak Majlis telah memeterai MOU bersama pihak swasta bagi projek usahasama pintar untuk membina pintu gerbang 'MPSJ Perbandaran Vibrant' di lokasi yang telah dipersetujui. Perkara ini masih dalam peringkat design dan rekabentuk.
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar**

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 10/2013 Bertarikh 18 Oktober 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.3.4 m.s 9	Puan Norhesni binti Ismail	Pembersihan Sampah- Sampah Di Tasik Prima, Puchong	Beliau meminta supaya pihak Majlis mengadakan satu mesyuarat bersama pihak pemaju dan persatuan penduduk bagi membincangkan mengenai isu terdapat banyak sampah-sampah di Tasik Prima, Puchong.

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta supaya Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Pengurusan Alam Sekitar untuk berkerjasama bagi mengaturkan satu Mesyuarat Koordinasi bersama pihak pemaju-pemaju di sekeliling kawasan Tasik Prima dan persatuan penduduk di kawasan berkenaan bagi membincangkan mengenai isu pembersihan sampah-sampah di Tasik Prima.</p> <p>Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan agar satu projek usahasama diadakan bersama pihak pemaju-pemaju yang terlibat bagi kerja-kerja pembersihan sampah di kawasan tasik berkenaan.</p>
2	para 4.6.1 m.s 13	Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh	Kerja-Kerja Selenggaraan (Desilting) Dan Pembersihan 'Flood Retention Pond' Di USJ 3A	Beliau memohon maklumbalas status terkini berkenaan cadangan kerja-kerja selenggaraan (desilting) dan kawalan pembersihan 'flood retention pond' di kawasan USJ 3A, Subang Jaya.

				<p><u>Maklumbalas:</u> Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa kerja-kerja selenggaraan (desilting) dan kawalan pembersihan 'flood etention pond' di kawasan USJ 3A, Subang Jaya telah dimasukkan dalam senarai perancangan projek penyelenggaraan bagi SKT tahun 2014.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

### 5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 10/2013 Bertarikh 18 Oktober 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 9.8 m.s 63	En. Cheah Sang Soon	Permohonan Lesen Tempat Letak Kereta Perkhidmatan Valet Di Tanah Milik MPSJ Hadapan Kompleks Membeli-	<u>Pindaan Minit :</u> Beliau memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 10/2013 telah membuat keputusan



			Belah The 19 USJ City Mall, Subang Jaya Oleh Syarikat The 19 USJ City Mall Sdn. Bhd.	<p><b>'Tanggung'</b> berhubung permohonan ini dan bukannya <b>'Tolak'</b> seperti yang dicatatkan dalam Minit Mesyuarat.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Mesyuarat telah bersetuju untuk <b>'menangguhkan'</b> keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 10/2013 berhubung perkara ini.</p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Pelesenan mengambil maklum mengenai perkara ini dan membuat pindaan kepada Minit Mesyuarat.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Pelesenan**

**5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 07/2013 Bertarikh 21 Oktober 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

**5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 10/2013 Bertarikh 21 Oktober 2013**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**

**5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 10/2013 Bertarikh 22 Oktober 2013**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

## 6.0 UCAPAN PENANGGUHAN

6.1 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

**'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)**  
Setiausaha Perbandaran  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO' ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S.)**  
Pengerusi Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**